

Berita KUKUM

A. IPTA HARUS GALAK GRADUAN SERTAI PALAPES - REKTOR

Peratus penyertaan mahasiswa-mahasiswa di seluruh IPTA di negara ini dalam Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) dilihat mengalami kemerosotan yang serius dan fenomena tersebut amat membimbangkan pihak pengurusan universiti, demikian menurut Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM, semasa berucap di Majlis Santapan Malam bersama DYMM Pemangku Raja Perlis bersempena dengan Mesyuarat Timbalan-timbalan Komandan PALAPES Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Siri 2/2005 di Hotel Putra Palace pada 21 April 2005 lalu.

Prof. Dato' Dr. Kamarudin, berkata, PALAPES yang telah ditubuhkan sejak tahun 1969 di IPTA kini sedang berhadapan dengan masalah kurang minat di kalangan mahasiswa dan mahasiswa untuk masuk menyertai pasukan berseragam itu. Statistik yang diperolehi jelas menunjukkan penurunan peratus penyertaan dan jumlah tersebut amat serius.

"Semua IPTA harus memberi perhatian terhadap masalah tersebut. Satu kajian terperinci harus dijalankan bagi mengenal pasti dan mencari punca sebenar kenapa graduan kita sudah tidak berminat lagi menyertai PALAPES. Pengaruh arus globalisasi dan dunia tanpa sempadan dewasa ini amat membimbangkan. Kita tidak mahu graduan IPTA terpengaruh dengan kegiatan-kegiatan tidak sihat sehingga boleh menganggu-gugat pembelajaran mereka di universiti".

"Kaedah atau metodologi terbaik yang diyakini mampu menjana graduan berdisiplin, berketrampilan, berkeperibadian unggul, nasionalistik dan mempunyai akar umbi jatidiri yang teguh ialah melalui penglibatan golongan



mahasiswa dan mahasiswa ini di dalam suatu kegiatan atau aktiviti yang menitikberatkan disiplin diri yang tinggi seperti PALAPES".

"Penyertaan graduan di dalam kegiatan PALAPES bukan sahaja dapat melatih mereka menjadi insan yang berdisiplin malah menyemai semangat nasionalisme yang tinggi, beriman, bertakwa, berlitizam dan segala sifat-sifat yang terpuji yang terbina hasil dari corak serta latihan ketenteraan yang menjadi ras serta budaya PALAPES", tegas beliau.

Prof. Dato' Dr. Kamarudin juga berharap semua IPTA di negara ini dapat menggembungkan tenaga dan upaya serta idea dalam menentukan halatuju pasukan PALAPES di tahun-tahun akan datang. PALAPES katanya harus fleksibel kepada perubahan sosial, ekonomi dan politik negara serta harus bersifat universal. Misi dan visi PALAPES mungkin boleh digubal atau ditambah supaya ia sinonim dengan dasar-dasar baru kerajaan. Perubahan ini amat penting kerana ia perlu saling menyokong atau bertindak antara satu sama lain. Jika kesepaduan ini dapat dicapai PALAPES IPTA bukan sahaja akan cemerlang, bahkan gemilang dan terbilang.

DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Pemangku Raja Perlis dan DYTM Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah telah berkenan mencemar Duli berangkat ke Majlis Santapan Malam tersebut. Turut hadir ialah Timbalan-timbalan Komandan dan Ketua Jurulatih PALAPES IPTA seramai lebih kurang 40 orang wakil dari 12 buah Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia.